



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**STATUS PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) DG41
CONTRACT OF SERVICE LANTIKAN TAHUN 2020 DAN
KEPUTUSAN TEMUDUGA CALON PPP *CONTRACT OF SERVICE*
SECARA *ONE-OFF* TAHUN 2021**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) telah bersetuju melantik semula secara kontrak seramai 2,683 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 yang akan tamat tempoh lantikan *Contract of Service* (CoS) pada 9 Jun 2022. Ini adalah bagi membolehkan urusan temuduga dan lantikan tetap guru-guru yang telah memenuhi syarat lantikan dilaksanakan.

Selain itu, keputusan temuduga guru CoS bagi pengambilan PPP DG41 secara *One-Off* tahun 2021 telah diumumkan oleh SPP pada 27 Mei 2022. Calon boleh menyemak keputusan temuduga melalui portal SPP di pautan www.spp.gov.my. Urusan penempatan calon yang berjaya akan dilaksanakan oleh KPM.

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

-TAMAT -

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
28 MEI 2022**